

03 NOV 1996

Mahathir-G-15

GLOBALISASI TIDAK BERPIHAK KEPADA NEGARA MEMBANGUN, KATA MAHATHIR

By: Kuah Guan Oo

HARARE, 3 Nov (Bernama) -- Globalisasi telah digunakan untuk tidak memihak kepada negara-negara membangun dan oleh itu kerjasama yang berterusan antara mereka bukan sahaja dilkehendaki tetapi ia adalah satu keperluan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir berkata di sini hari ini.

Kata beliau sementara perkataan "globalisasi" telah menjadi sesuatu yang lumrah dan ketika dunia sedang menuju ke arah menjadi pasaran global yang tidak akan berpatah balik, negara-negara membangun perlu bersedia memasuki pasaran global dan bersekutu dalam apa bentukpun dengan perkumpulan-perkumpulan serantau.

"Adalah menjadi lebih penting lagi bagi negara-negara membangun bekerjasama untuk memastikan pembahagian yang sama rata dalam perdagangan global," kata beliau ketika berucap sebagai jurucakap Asia di perasmian Sidang Kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) di sini.

Presiden Mugabe dari Zimbabwe yang menjadi tuan rumah sebelum itu merasmikan sidang kemuncak tiga hari itu.

Dr Mahathir berkata walaupun terdapat perpecahan dalam perkumpulan negara maju G-7 kerana persaingan antara satu sama lain, "yang pentingnya negara-negara membangun perlu terus bersatu untuk menghadapi cabaran-cabaran baru dalam suasana global".

"Kita perlu menerima globalisasi sekiranya ia bermakna tanggungjawab globalisasi diktirafkan dan ini termasuk yang kuat membantu yang lemah tanpa mengenakan bermacam-macam syarat," kata beliau.

Malangnya, kata Dr Mahathir, globalisasi telah digunakan untuk tidak berpihak kepada negara-negara membangun yang sekarang dikehendaki memikul berbagai tanggungjawab seperti alam sekitar, taraf buruh, undang-undang pelaburan, perkhidmatan kewangan dan perkara-perkara lain yang berbangkit.

"Apa yang mereka dikehendaki melakukan ialah tidak lebih dari menerima pakai dasar-dasar dan kriteria yang ditentukan oleh negara-negara maju tanpa rundingan dan mengambil kira pendapat negara-negara membangun.

"Sebagai negara-negara yang mencanangkan demokrasi pendekatan yang digunakan nampaknya berlawanan dengan perakuan mereka terhadap prinsip-prinsip demokrasi," kata beliau.

"Walaupun bagaimanapun, hasil menerima ikut di pihak negara-negara membangun tidak akan memihak kepada mereka dan akan memiskinkan mereka lagi," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata buruh yang lebih murah merupakan satu bentuk kelebihan saingan yang banyak negara-negara membangun bergantung di atas keperluan, tetapi ini sekarang telah didakwa sebagai saingan yang tidak adil.

"Fasal-fasal sosial" telah diperkenalkan untuk mentadbir perdagangan antarabangsa, yang nampaknya seperti mengambil berat terhadap kebajikan pekerja-pekerja di negara-negara membangun tetapi berkesan menghapuskan kelebihan untuk bersaing yang mungkin dipunyai oleh negara-negara membangun.

Hasilnya, kata beliau, ialah melemahkan aktiviti ekonomi, mengurangkan pelaburan dan pengeluaran barang-barang dan perkhidmatan dan akibat akhirnya sudah tentu pengangguran.

"Bagaimana kita hendak mempercayai yang "fasal-fasal sosial" ini mempunyai matlamat keadilan sosial apabila hasil akhirnya ialah pengangguran dan ketidakadilan ekonomi?" kata beliau.

Dr Mahathir berkata: "Tidak cukup dengan semua ini, kita dapati sebuah negara, tanpa berselindung, memperkecil Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dengan, tanpa menghormati sepenuhnya peraturan antarabangsa, mengadakan

undang-undang luar wilayah (extra territorial Laws) yang perlu dipatuhi oleh semua negara dan syarikat-syarikat perniagaan mereka."

Kata beliau: "Kita tidak boleh terima dan sudah tentu tidak boleh mematuhi langkah memaksa sehalu ini.

"Kita perlu mengambil pendirian yang tegas menghalang langkah-langkah ini yang dengan secara sombong tidak mengambil kira peraturan dan prinsip-prinsip perdagangan antarabangsa dan hubungan pelaburan."

Negara-negara membangun. kata beliau, perlu menolak cabaran kepada hak kebebasan mereka ini untuk berdagang dan melabur di mana mereka suka, yang juga mengancam peningkatan perdagangan dan pembangunan dari segi global.

Dr Mahathir berkata kerjasama yang berterusan antara negara-negara membangun bukan sahaja diperlukan bahkan ia adalah satu perkara yang mesti untuk menghadapi cabaran-cabaran ini.

Ke arah matlamat ini, kata beliau, G-15 mempunyai peranan penting.

"Ia boleh menjadi kumpulan pendesak yang kuat dalam rundingan dengan Utara. Yang lebih pentingnya, ia boleh menjadi ejen perubahan utama di dunia membangun terutamanya dalam merealisasikan potensi negera-negara membangun sendiri," kata beliau. -- BERNAMA

KGO WAT